

TARIKH	11 / 7 / 2016	SEKSYEN	BISNES
MUKA SURAT	39	RUANGAN	



ABDUL Azeez (tiga dari kiri) sambil dibantu Johan (tiga dari kanan) merasmikan aplikasi THIJARI 2.0 di Bangunan Tabung Haji.

Aplikasi THIJARI 2.0 lebih menyeluruh

■ Tabung Haji sasar lebih ramai pengguna muat turun aplikasi

Sofyan Rizal Ishak
sofyan.rizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lembaga Tabung Haji (TH) memperkenalkan aplikasi terkininya, THIJARI 2.0 sebagai usaha untuk mempelbagaikan perkhidmatan interaktif dalam talian tanpa sempadan serta boleh dicapai pada bila-bila dan di mana saja.

Aplikasi terbaru itu kini menawarkan lebih banyak kemudahan bagi kegunaan pendeposit TH termasuk berkaitan haji sekali gus

memberikan manfaat kepada jemaah haji seluruh negara seperti semakan jadual penerbangan haji.

Pengerusi TH Daruk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, pelakunya terus mengambil langkah untuk menambah baik aplikasi THIJARI yang pertama kali diperkenalkan pada 2014 di mana THIJARI 2.0 adalah versi lengkap kepada versi sebelum ini.

"Kami tidak menetapkan

sebarang sasaran muat turun ketika ini namun percaya ia akan mendapat sambutan memadangkan

ingkaran jumlah pengguna pintar di Malaysia yang meningkat sehingga 17.8 juta pada hujung tahun ini," katanya pada majlis pelancaran THIJARI 2.0 di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH Datuk Seri Johan Abdullah, Apilcast itu turut mem-

FAKTA
 Pelanggan dan pendeposit boleh mendapatkan nombor gliran secara dalam talian menggunakan MyQ TH

bolehkan pendeposit menyemak status pendaftaran dan tawatan haji serta mengemas kini urusan akaun pendeposit, pendaftaran dan semakan keahlian Kelab Tabung Haji, informasi TH, direktori, berita terkini, promosi dan e-majalah.

Beliau berkata, aplikasi itu juga menawarkan perkhidmatan baru iaitu MyQ TH di mana pelanggan dan pendeposit boleh mendapatkan nombor gliran secara dalam talian dan memilih cawangan TH berdekatan bagi membuat urusan di kaunter tanpa perlu menunggu untuk tempoh lama.